



Pusat IDEA UKM (IDEA-UKM)

**GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN TRANSLASI UKM
(TR-UKM)**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**GARIS PANDUAN
GERAN PENYELIDIKAN TRANSLASI UKM
(TR-UKM)**

Disediakan	Disemak	Diluluskan
Urus Setia GP	 Nor Eloni Nor Azmi Ketua Pentadbiran Pusat IDEA UKM	 Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal Pengarah Pusat IDEA UKM
Tarikh : 29 Julai 2024	Tarikh : 29 Julai 2024	Tarikh : 29 Julai 2024

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuatkuasa
0	0	29 Julai 2024

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN

KANDUNGAN

PERKARA	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0 BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)		3
2.0 BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)		12
3.0 BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)		13
4.0 BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)		14
5.0 BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)		15
6.0 BAHAGIAN 6 (PERANAN)		17
7.0 BAHAGIAN 7 (CARTA ALIR)		18

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.

PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)

1.1. PENGENALAN

Geran Penyelidikan Translasi Universiti Kebangsaan Malaysia (TR-UKM) telah diperkenalkan pada tahun 2021. Matlamat utama Geran Penyelidikan TR-UKM ini adalah untuk memperkasakan projek penyelidikan berimpak yang bersifat translasi dan multidisiplin bagi manfaat pihak berkepentingan, sekaligus dapat menyokong kelestarian ekosistem penyelidikan UKM.

1.2. DOMAIN PENYELIDIKAN

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan salah satu domain penyelidikan seperti berikut:

- a) Sains Tulen dan Gunaan (*Pure and Applied Sciences*).
- b) Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*).
- c) Sains Kesihatan dan Klinikal (*Health and Clinical Sciences*).
- d) Sains Sosial (*Social Sciences*).
- e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*).
- f) Warisan Alam dan Budaya (*Natural and Cultural Heritage*).
- g) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*).

1.3. KLUSTER PENYELIDIKAN UKM

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan salah satu Kluster Penyelidikan seperti berikut:

- a) Transformasi Sosial dan Ekonomi.
- b) Warisan dan Masyarakat Madani.
- c) Sumber Lestari, Alam Sekitar dan Kehidupan Pintar.
- d) Teknologi Digital dan Terkehadapan.
- e) Kesihatan dan Perubatan Termaju.

1.4. MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI/ SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs)

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan/selari dengan 17 SDG di bawah, iaitu memenuhi sekurang-kurangnya satu (1) atau maksimum empat (4) SDG sahaja. 17 SDG adalah seperti berikut:

- | | | |
|--------|---|---|
| SDG 1 | : | Tiada Kemiskinan
<i>No Poverty</i> |
| SDG 2 | : | Sifar Kelaparan
<i>Zero Hunger</i> |
| SDG 3 | : | Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan
<i>Good Health and Well-Being</i> |
| SDG 4 | : | Pendidikan Berkualiti
<i>Quality Education</i> |
| SDG 5 | : | Kesaksamaan Gender
<i>Gender Equality</i> |
| SDG 6 | : | Air Bersih dan Sanitasi
<i>Clean and Water Sanitation</i> |
| SDG 7 | : | Tenaga Mampu Milik dan Bersih
<i>Affordable and Clean Water Energy</i> |
| SDG 8 | : | Pekerjaan yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi
<i>Decent Work and Economic Growth</i> |
| SDG 9 | : | Industri, Inovasi dan Infrastruktur
<i>Industry, Innovation and Infrastructure</i> |
| SDG 10 | : | Mengurangkan Ketidaksamaan
<i>Reduced Inequalities</i> |
| SDG 11 | : | Bandar dan Komuniti Mampan
<i>Sustainable Cities and Communities</i> |
| SDG 12 | : | Penggunaan dan Penghasilan yang Bertanggungjawab
<i>Responsible Consumption and Production</i> |
| SDG 13 | : | Tindakan Iklim
<i>Climate Action</i> |
| SDG 14 | : | Kehidupan di Bawah Air
<i>Life Below Water</i> |
| SDG 15 | : | Kehidupan di Darat
<i>Life on Land</i> |
| SDG 16 | : | Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh
<i>Peace, Justice and Strong Institution</i> |
| SDG 17 | : | Kerjasama Demi Matlamat
<i>Partnerships for the Goals</i> |

1.5. OBJEKTIF

- a) Melaksanakan penyelidikan multidisiplin bagi menghasilkan penyelesaian yang komprehensif terhadap isu dan cabaran semasa negara.
- b) Menghasilkan prototaip/kertas polisi/garis panduan/standard yang boleh diterjemahkan bagi manfaat pihak berkepentingan dan masyarakat secara keseluruhan.

1.6. SYARAT PERMOHONAN

- a) Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik aktif kecuali kakitangan akademik yang
 - i. Bercuti sabatikal, bercuti pasca doktoral dan bercuti sangkutan (dalam dan luar negara) melebihi tempoh enam (6) bulan semasa tarikh tutup permohonan;
 - ii. Bercuti belajar; dan
 - iii. Dipinjamkan ke agensi luar.

Nota:

Kakitangan akademik aktif merangkumi Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Guru dan Felo Pengajar yang mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dan Felo Penyelidik yang dibayar gaji (bukan honorarium) oleh Universiti.

- b) Bagi kakitangan akademik bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama (warga UKM) bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama.
- c) Ketua Penyelidik atau ahli kumpulan penyelidikan pernah mengetuai geran penyelidikan multidisiplin dan translasi serta menghasilkan penemuan yang boleh diketengahkan untuk manfaat pihak berkepentingan.
- d) Kertas cadangan yang dikemukakan mempunyai kesinambungan dengan projek terdahulu yang telah mencapai sekurang-kurangnya Tahap Kesediaan Teknologi (*Teknology Readiness Level*) aras 3 (TRL3) atau Tahap Kesediaan Sosial (*Societal Readiness Level*) aras 3 (SRL3).
- e) Kumpulan penyelidikan perlu mempunyai penglibatan sekurang-kurangnya seorang penyelidik bersama daripada Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam atau swasta.

- f) Penyelidikan perlu berkolaborasi dengan agensi kerajaan/swasta/industri/NGO atau komuniti bagi melaksanakan projek tersebut. Bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat niat (*Letter of Intent*) dari rakan kolaborasi (dalam bentuk surat rasmi yang menggunakan kepala surat (*letterhead*) agensi kolaborator) atau surat niat mengikut format Pejabat Penasihat Undang-Undang UKM.
- g) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) rakan kolaborasi yang turut menjalankan penyelidikan dan menyumbang sekurang-kurangnya 10% daripada dana keseluruhan projek, dalam bentuk kewangan, barang atau perkhidmatan.

Nota:

Peranan rakan kolaborasi adalah sebagai penghubung untuk tujuan pra-pengkomersialan atau menggunakan hasil penyelidikan daripada projek.

- h) Tidak melebihi siling peruntukan iaitu RM100,000.00
- i) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli penyelidik UKM (termasuk Ketua Projek).
- j) Permohonan baharu bagi penyelidik yang telah diluluskan Geran Penyelidikan TR-UKM pada fasa terdahulu akan diberi pertimbangan jika tahap kewangan projek adalah pada tahap 75% dan ke atas. **Bukti laporan kewangan (belanja dan komitmen) perlu dimuat naik daripada Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU) semasa mengemukakan permohonan.**
- k) Laporan akhir projek penyelidikan di bawah Dana Universiti Penyelidikan (yang diketuai oleh pemohon) yang telah tamat tempoh telah diperaku oleh Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P).
- l) Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu (1) permohonan projek pada setiap fasa.

1.7. TEMPOH PENYELIDIKAN

Jangka masa projek adalah satu (1) tahun enam (6) bulan.

1.8. TATACARA PERMOHONAN

- a) Pemohon perlu mengemukakan permohonan penyelidikan melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU).
- b) Sila rujuk Manual Pengguna SMPU (Permohonan) untuk langkah-langkah permohonan secara dalam talian.
- c) Permohonan perlu dikemukakan kepada IDEA-UKM sebelum atau pada tarikh tamat permohonan sebagaimana yang ditetapkan oleh IDEA-UKM. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

1.9. PERATURAN PERBELANJAAN

Penggunaan peruntukan adalah dibenarkan untuk item yang diluluskan di bawah kod perbelanjaan berikut:

a) *Vot 11000 (Upah dan Elaun)*

- i. Melantik Pembantu Penyelidik (RA) mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh UKM. Pelantikan ini diuruskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) UKM.
- ii. Potongan KWSP caruman majikan dan potongan PERKESO bagi lantikan RA adalah menggunakan peruntukan projek penyelidikan.

b) *Vot 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)*

- i. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan dalam negara sahaja yang berkaitan dengan projek.
- ii. RA hanya dibenarkan menghadiri persidangan, kerja lapangan, kursus dan bengkel dalam negara.
- iii. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak melebihi 15 peratus (15%) daripada jumlah keseluruhan projek. Justifikasi khas/kukuh perlu diberikan jika permohonan melebihi 15% daripada jumlah peruntukan projek.

c) Vot 24000 (Sewaan)

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

d) Vot 27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)

- i. Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.
- ii. Perbelanjaan yang dibolehkan adalah:
 - a) Bekalan/bahan penyelidikan pakai habis.
 - b) Perisian yang bukan berbentuk langganan lesen bermilai tidak melebihi RM50,000.00.
 - c) Pembelian peralatan/barang (inventori/aset alih bermilai rendah) dengan kos perolehan tidak melebihi RM 3,000.00 bagi setiap unit.
Nota untuk (c):
 1. Setiap pembelian perlu disertakan justifikasi berkaitan dan mengikut Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti.
 2. Jangka hayat inventori melebihi setahun, dan memerlukan penyelenggaraan dan pelupusan di masa akan datang.
 3. Kos perolehan merujuk kepada kos keseluruhan yang terlibat merangkumi kos pemasangan, kos pengangkutan dan lain-lain kos yang berkaitan dengannya.

e) Vot 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai)

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

f) Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)

Vot ini meliputi:

- Perkhidmatan percetakan
- Honorarium, saguhati, kos mengadakan bengkel/mesyuarat
- Perkhidmatan profesional, konsultasi
- Yuran persidangan, yuran penerbitan, yuran pendaftaran harta intelek

- Bayaran pemprosesan data/analisis data/pencirian
- Langganan perisian (lesen dilanggan dari pihak ketiga)
- Lain-lain perkhidmatan ikhtisas yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Nota:

Pembayaran honorarium kepada ketua projek atau penyelidik bersama tidak dibenarkan.

g) Vot 35000 (Aksesori dan Peralatan)

- i. Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja. Senaraikan jenis peralatan dan justifikasi permohonan. Jumlah yang dipohon tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.
- ii. Pembelian peralatan/barang dengan kos perolehan RM3,000.00 dan ke atas bagi setiap unit.
Nota untuk (ii):
 1. Setiap pembelian perlu disertakan justifikasi berkaitan dan mengikut Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti.
 2. Jangka hayat inventori melebihi setahun dan memerlukan penyelenggaraan serta perlu dilupuskan di masa akan datang.
 3. Kos perolehan merujuk kepada kos keseluruhan yang terlibat merangkumi kos pemasangan, kos pengangkutan dan lain-lain kos yang berkaitan dengannya.
- iii. Perisian yang bukan berbentuk langganan lesen bernilai RM50,000 dan ke atas.
Nota untuk (iii):
Pembelian peralatan ICT beserta pakej perisian dengan kos perolehan RM3,000 dan ke atas adalah di bawah vot ini.
- iv. Pembelian atau perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan hanya dibenarkan sekiranya telah diluluskan. Walau bagaimanapun, pembelian aset tidak dibenarkan dalam tempoh enam bulan sebelum projek tamat (tarikh asal projek).

1.10. Hasil Penyelidikan

a) Harta Intelek/Kertas Polisi/Garis Panduan/Standard

Penyelidik perlu menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) inovasi dalam bentuk prototaip, reka bentuk, kertas polisi, garis panduan atau standard. Bagi harta intelek, penyelidik perlu menfaillkan sekurang-kurangnya satu (1) paten/perlindungan utiliti atau memperoleh sekurang-kurangnya satu (1) hak cipta bagi inovasi tersebut.

b) Penerbitan

- i. Penyelidik perlu menghasilkan penerbitan seperti berikut:
 - 1 Artikel dalam Jurnal Terindeks (WOS/Scopus); atau
 - 1 Buku Penyelidikan yang diterbitkan oleh Penerbit Tersohor; atau
 - 1 Bab dalam buku yang diterbitkan oleh Penerbit Tersohor
- ii. Penerbitan yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja yang diambil kira.
- iii. Penerbitan yang dihantar sebelum projek lulus tidak diambil kira sebagai hasil KPI (output) projek penyelidikan walaupun penghargaan kepada kod projek dinyatakan dalam penerbitan tersebut.
- iv. Penghargaan kepada universiti dan geran penyelidikan mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
- v. Jika penghargaan diberikan lebih daripada satu (1) geran penyelidikan, penerbitan tersebut akan diambil kira sebagai hasil KPI (output) bagi projek penyelidikan yang dinyatakan sebagai penghargaan pertama.
- vi. Penerbitan yang telah diterbitkan perlu didaftarkan di Sistem e-Repositori Penerbitan.

c) Impak Dalam Konteks Penyelidikan Translasi dan Multidisiplin

- i. Membuktikan hasil dan impak projek penyelidikan kepada negara/kerajaan/industri/komuniti (penyelesaian kepada pernyataan masalah melalui perbandingan dapatan sebelum dan selepas projek berakhir).
- ii. Menunjukkan pulangan kepada universiti dalam bentuk pengiktirafan kepakaran dan/atau potensi penjanaan kewangan.

d) Video Pendek Hasil Penyelidikan

Setiap projek penyelidikan wajib menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) video pendek hasil penyelidikan (5 minit) dan menyebarluas video tersebut untuk tontonan umum.

e) Perkongsian Bersama Pihak Berkepentingan

Mengadakan sesi perkongsian dapatan kajian bersama pihak berkepentingan sebagai salah satu usaha mempromosi kepakaran UKM dan menjadi pakar rujuk.

f) Dokumen Perjanjian (MoU/MoA/RA)

Penyelidik mesti mengadakan perjanjian kerjasama penyelidikan dengan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU)/Memorandum Perjanjian (MoA)/ Perjanjian Penyelidikan (RA) di antara UKM dengan rakan kolaborasi lain yang terlibat bagi menjalankan penyelidikan ini. Dokumen perjanjian ini perlu dimeterai dalam tempoh masa penyelidikan yang diluluskan.

1.11 TEMPOH IKLAN

IDEA-UKM akan membuat pemakluman mengenai tarikh buka dan tutup permohonan melalui Portal e-Warga, hebahan rasmi kepada kepada Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat dan pemakluman di laman sesawang IDEA-UKM (<http://www.ukm.my/ideaukm>).

BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)

2.1. PENILAIAN

- a) Permohonan Geran Penyelidikan TR-UKM akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik mengikut bidang projek penyelidikan.
- b) Permohonan yang telah disokong oleh panel penilai perlu dibentangkan secara lisan pada sesi penilaian kali kedua.
- c) Permohonan yang telah disokong oleh panel penilai pada sesi penilaian kali kedua akan disemak dan diperakukan pada Mesyuarat Penyelarasaran Kelulusan dan Cadangan Belanjawan Geran Penyelidikan Translasi UKM. Perakuan ini kemudianya akan dimajukan ke Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKP&P) untuk tujuan kelulusan.
- d) Keputusan JKP&P adalah muktamad.
- e) Carta alir permohonan dan kelulusan adalah seperti di Bahagian 7.

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.

PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN

BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)

3.1. PEMAKLUMAN KEPUTUSAN DAN PENAWARAN

- a) Keputusan permohonan Geran Penyelidikan TR-UKM akan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh (10) hari selepas Mesyuarat JKP&P.
- b) Bagi projek yang diluluskan, surat kelulusan akan dikeluarkan kepada Ketua Projek. Ketua Projek perlu mengambil tindakan dengan mengembalikan Surat Pengakuan Menjalankan Penyelidikan (UKM-SPKPPP-PT(P)08-CRIM-AK01-L02) kepada IDEA-UKM untuk tujuan pengaktifan projek dalam SMPU dan pengaktifan peruntukan projek dalam Sistem UFast oleh Unit Kewangan Penyelidikan CRIM (UKPC).
- c) Sekiranya Surat Pengakuan Menjalankan Penyelidikan tidak dikembalikan kepada IDEA-UKM dalam tempoh yang ditetapkan, status projek akan pasif dan penggunaan peruntukan ditangguhkan atau boleh dibatalkan.

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.

PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN

BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)

4.1. LAPORAN KEMAJUAN

- a) Laporan kemajuan projek perlu dihantar melalui SMPU setiap enam (6) bulan. Setiap Ketua Projek bertanggungjawab memastikan laporan kemajuan dihantar mengikut jadual yang ditetapkan.
- b) Laporan kemajuan perlu dihantar pada bulan Januari dan Julai setiap tahun.

Bulan	Tempoh Penghantaran
Januari	1-31 Januari
Julai	1-31 Julai

Nota:

Laporan kemajuan setiap projek diuruskan melalui proses yang telah ditetapkan dalam SMPU. Kegagalan mematuhi tempoh penghantaran yang ditetapkan ini akan menyebabkan sekatan sistem terhadap peruntukan projek sehingga laporan kemajuan ini dikemukakan dan diperakukan oleh F/I/P.

- c) Ketua Penyelidik perlu membentangkan secara lisan status kemajuan projek penyelidikan selepas sembilan (9) bulan projek bermula pada Seminar Pemantauan Laporan Kemajuan.

4.2. LAPORAN AKHIR

- a) Ketua Penyelidik perlu membentangkan laporan akhir projek penyelidikan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek pada Seminar Pembentangan Laporan Akhir.
- b) Laporan akhir perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek. Penghantaran laporan akhir adalah melalui SMPU. Kegagalan menghantar laporan akhir akan menyebabkan Ketua Projek disenarai hitam daripada memohon sebarang projek penyelidikan di bawah Dana Universiti Penyelidikan.

BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)

5.1. KETUA PROJEK BERHENTI/PINDAH FAKULTI/INSTITUT/PUSAT (F/I/P)

- a) Fakulti perlu memaklumkan kepada IDEA-UKM apabila ketua projek akan berhenti perkhidmatan di UKM. Projek yang diluluskan akan terus kekal di F/I/P berkenaan dan tidak boleh dipindahkan ke F/I/P lain.
- b) Ketua projek yang akan berhenti perkhidmatan di UKM perlu mengemukakan permohonan pertukaran Ketua Projek kepada IDEA-UKM selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh perkhidmatan.

5.2. TAMBAH MASA TEMPOH PENYELIDIKAN

Permohonan tambah masa boleh dipertimbangkan sekiranya projek masih aktif dan terdapat jejak kunci yang masih belum tercapai. Permohonan perlu menggunakan Borang Permohonan Tambah Masa Projek Penyelidikan Pusat IDEA UKM. Syarat-syarat permohonan adalah:

- a) Permohonan Tambah Masa Tempoh Penyelidikan mestilah dikemukakan kepada IDEA-UKM selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh tamat projek.
- b) Permohonan tidak boleh melebihi dua (2) kali.
- c) Tempoh tambah masa maksimum adalah selama tiga (3) bulan bagi setiap permohonan.

5.3. PENUKARAN V-SIRI PERUNTUKAN PROJEK

- a) Permohonan penukaran V-Siri belanjawan projek penyelidikan boleh dipertimbangkan sekiranya projek memerlukan pindahan kewangan berdasarkan keperluan dan justifikasi yang kukuh.
- b) Permohonan hanya boleh dibuat satu (1) kali dalam tempoh projek aktif.
- c) Permohonan hanya boleh dibuat selepas tempoh enam (6) bulan projek diaktifkan.

5.4 PENAMBAHAN PENYELIDIK BERSAMA

Penambahan penyelidik bersama hanya boleh dibuat selepas tempoh enam (6) bulan projek aktif atau selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tarikh tamat projek yang asal.

5.5 PENGGUNAAN PERUNTUKAN SELEPAS TARIKH TAMAT PROJEK

Penggunaan peruntukan selepas projek tamat boleh dipertimbangkan mengikut garis panduan berkuatkuasa (Boleh rujuk di Laman Web CRIM). Tuntutan perbelanjaan semasa projek aktif boleh dibuat dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh tamat projek. Selepas tempoh ini akaun projek akan ditutup dan baki peruntukan akan dipulangkan kepada pembiaya dana.

5.6 KES KHAS

Pertimbangan dan pengecualian dalam kes-kes tertentu boleh diberikan berdasarkan keperluan universiti.

BAHAGIAN 6 (PERANAN)

6.1. PUSAT IDEA UKM

- a) Memaklumkan pelawaan permohonan geran penyelidikan kepada Fakulti/Institut/Pusat.
- b) Menerima dan memproses permohonan yang dihantar sebelum atau pada tarikh tutup permohonan.
- c) Memaklumkan keputusan penilaian kepada Ketua Projek.
- d) Membuat pemantauan terhadap kemajuan dan prestasi projek penyelidikan.
- e) Memastikan KPI projek penyelidikan berjaya dicapai selepas penghantaran laporan akhir penyelidikan.

6.2. FAKULTI/INSTITUT/PUSAT

- a) Memaklumkan kepada Penyelidik sebarang perubahan dan perkembangan terbaru mengenai geran penyelidikan di UKM.
- b) Memaklumkan kepada IDEA-UKM berkaitan sebarang perubahan melibatkan projek penyelidikan/penyelidik.
- c) Membuat pemantauan terhadap kemajuan dan prestasi projek penyelidikan.
- d) Mengurus aset daripada geran penyelidikan.


6.3. KETUA PROJEK

- a) Membaca dan memahami garis panduan sebelum membuat permohonan.
- b) Memenuhi syarat-syarat permohonan seperti dikehendaki.
- c) Memastikan projek penyelidikan berjalan dengan efektif untuk mencapai objektif penyelidikan dan jejak kunci mengikut masa yang ditetapkan dengan jumlah peruntukan yang diberi.
- d) Mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan setiap enam (6) bulan dan menghantar laporan akhir dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek.

6.4 PENYELIDIK BERSAMA

- a) Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.
- b) Bertanggungjawab dalam pelaporan kemajuan projek dan laporan akhir.

BAHAGIAN 7 (CARTA ALIR)



DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.
 PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN

PENGARAH

Pusat IDEA UKM

PEJABAT AM

ARAS 2, KOMPLEKS PENYELIDIKAN UKM,
LINGKUNGAN KEDUA,
43600 UKM BANGI,
SELANGOR DARUL EHSAN

EMEL: idea@ukm.edu.my

LAMAN SESAWANG:

<http://www.ukm.my/ideaukm>

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.

PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN